

Amalan Peraturan Keselamatan Bengkel Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Institut Kemahiran Mara

Mohd Anuar Bin. Abdul Rahman & Ezra Loganathan Muniandi
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Peraturan keselamatan bengkel adalah merupakan satu faktor penting yang perlu diamalkan oleh setiap pelajar dalam kerja amali di bengkel. Setiap aktiviti yang dijalankan melibatkan penggunaan peralatan dan mesin yang berbahaya. Sebarang kecuaiian boleh mengakibatkan kemalangan atau kecederaan yang serius. Peraturan – peraturan keselamatan bengkel perlu diamalkan bagi mengelakkan kemalangan yang tidak diingini berlaku. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau amalan peraturan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar di bengkel IKM Johor. Aspek – aspek yang diberi perhatian adalah sikap positif pelajar, penggunaan peralatan dan mesin, keadaan semasa berkerja dan persekitaran bengkel. Sampel kajian seramai 50 pelajar yang dipilih bagi tujuan kajian dan Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Nilai kebolehpercayaan alat kajian alpha cronbach bagi kajian ini adalah $\alpha = 0.855$. Analisis statistik dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS 12.0 (*Statistical Package For Social Science*) telah digunakan untuk mendapatkan peratusan, kekerapan dan min. Dapatan kajian menunjukkan sikap pelajar IKM dalam mengamalkan peraturan keselamatan bengkel adalah positif. Pengamalan peraturan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar juga pada tahap yang tinggi. Disamping itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi mengurangkan peratusan kemalangan yang berlaku di bengkel dan meningkatkan lagi pengamalan peraturan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar Institut Kemahiran MARA dalam semua proses pembelajaran selaras dengan matlamat pendidikan negara.

Katakunci : peraturan keselamatan bengkel, Institut Kemahiran Mara

Pendahuluan

Di dalam perkembangan teknologi industri yang semakin maju, Negara memerlukan banyak pekerja mahir dan faham tentang penggunaan alat dan mesin yang canggih. Oleh itu, pelajar adalah generasi akan datang memainkan peranan penting kearah merealisasikan teknologi berasaskan peralatan mesin dan automasi yang canggih. Jenis pekerja yang diperlukan di dalam bidang ini ialah pekerjapekerja lepasan bidang vokasional dan teknik. Seiring dengan matlamat ini, ketika membentangkan bajet 2006 kerajaan telah memperuntukkan RM5 bilion bagi perbelanjaan pembangunan pelajaran dan latihan bagi menentukan rakyat dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni untuk menjadi tenaga kerja yang menghayati budaya kerja berprestasi tinggi. (BERNAMA, 30 September 2005)

Sehubungan dengan itu, untuk melatih dan membentuk tenaga kerja yang diperlukan ke arah Negara perindustrian, maka pelajar kita perlu dilatih supaya mempunyai sikap kerja yang betul dan nilai – nilai positif seperti berdisiplin, tekun dan dedikasi. Industri yang berteknologi adalah memerlukan tenaga kerja yang berdisiplin, yang dilengkapi dengan asas kemahiran yang lebih luas serta mempunyai budaya dan etika kerja yang positif. Dalam usaha ini, pihak Kementerian Sumber Manusia berhasrat menjadikan Malaysia sebuah negara yang selamat untuk bekerja. Sasaran Kementerian adalah untuk menurunkan kadar kes kemalangan industry kepada 3.5 peratus kes menjelang 2010 nanti. Kadar tersebut adalah menyamai kadar kes kemalangan bagi negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat. Sehingga ini(2005), negara kita telah

mencatatkan statistik kemalangan yang dilaporkan di sekitar 5.6 peratus (Abdul Rahman Bakar, 16 April 2007).

Pada tahun 1969, Malaysia telah memperkenalkan satu akta keselamatan iaitu PERKESO atau Pertubuhan Keselamatan Sosial bagi tujuan untuk melaksanakan, mentadbir, dan menguatkuasakan akta keselamatan sosial pekerja dan peraturan mengenainya. Di Amerika Syarikat pula pada tahun 1970, satu rang undang – undang dan akta mengenai keselamatan diwujudkan yang dikenali sebagai “Occupational Safety and Health” atau secara ringkasnya OSHA. Ia diperkenalkan bertujuan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja di bengkel dalam bidang industri.

Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan melihat amalan peraturan keselamatan bengkel dikalangan pelajar Institut Kemahiran MARA ketika menjalankan kerja – kerja amali di bengkel. Fokus kajian ini adalah mengenai pengamalan peraturan keselamatan bengkel para pelajar semasa melakukan kerja amali di bengkel dari aspek sikap, penggunaan alatan tangan dan mesin, semasa berkerja dan juga persekitaran.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:-

1. Mengenalpasti sikap pelajar terhadap amalan peraturan keselamatan bengkel semasa bekerja di bengkel.
2. Mengenalpasti amalan peraturan keselamatan bengkel semasa pelajar menggunakan alatan tangan dan mesin di bengkel.
3. Mengenalpasti amalan peraturan keselamatan bengkel semasa pelajar berkerja di bengkel.
4. Mengenalpasti amalan peraturan keselamatan bengkel di persekitaran bengkel oleh pelajar.
5. Mengenalpasti tahap pengalaman peraturan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar IKM Johor.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelajar IKM Johor dalam mengamalkan peraturan keselamatan di bengkel. Dengan kajian ini juga kita dapat mengetahui sejauh mana peraturan – peraturan keselamatan bengkel diamalkan oleh para pelajar semasa berkerja di bengkel dan kepentingan mengamalkannya bagi menghadapi cabaran dunia kerja yang kian mencabar pada masa kini. Kajian ini adalah memberi panduan kepada pihak-pihak yang tertentu di dalam meneliti kelemahan serta memperbaikinya. Ianya adalah untuk:-

1. Memberi panduan kepada pihak institusi di dalam memperbaiki atau mengubahsuai peraturan keselamatan bengkel bagi mengelakkan kemalangan atau kejadian – kejadian yang tidak diingini di bengkel.
2. Memberi panduan yang berguna kepada pihak institusi untuk merancang program yang tersusun dalam meningkatkan pengamalan peraturan keselamatan bengkel.
3. Panduan kepada tenaga pengajar untuk mengawal tingkah laku dan mengatur teknik – teknik bagi mengimplementasikan amalan peraturan keselamatan dengan berkesan oleh pelajar – pelajar mereka supaya mengurangkan risiko kemalangan di bengkel.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang akan dijalankan adalah kajian berbentuk deskriptif. Menurut Abd. Majid Konting (2000) kajian berbentuk ini bersesuaian dalam penyelidikan yang menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku seperti ini. Selain daripada mendapatkan banyak maklumat dalam masa yang singkat, Ahmad Mahdzan (1995) berpendapat bahawa cara pengumpulan data cara ini adalah terkawal mutu data yang diperolehi serta data mudah diproses khasnya dengan bantuan komputer.

Rekabentuk ini dipilih kerana pelajar telah mempunyai pengalaman yang secukupnya dengan keadaan bengkel di IKM Johor dan dalam kajian ini fenomena yang dikaji adalah amalan peraturan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar IKM Johor. Kajian ini dilaksanakan dalam dua peringkat iaitu kajian rintis, soal selidik dan mendapatkan sumber atau maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Populasi dan Sampel Kajian

Abd Majid Konting (2000), menyatakan bahawa populasi akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat dan data. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada individu pelajar Intitisi Kemahiran Mara Johor.

Saiz sampel adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan keputusan kajian. Lebih besar peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana pengkaji mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri – ciri populasi (Mohd. Najib Ghaffar, 1999). Justeru itu, keputusan penyelesaian masalah yang dibuat adalah lebih tepat. Bagi membantu kajian, penyelidik telah memilih 50 orang pelajar secara rawak mudah sebagai responden mewakili jumlah populasi.

Instrumen Kajian

Menurut Abd. Majid Konting (2000), penggunaan instrumen soal selidik dapat meningkatkan ketepatan yang diberikan oleh responden kerana ia tidak mempengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Penggunaan soal selidik membolehkan pengkaji memperolehi maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit (Abd. Majid, 2000). Disamping itu, ia merupakan instrumen yang ringkas dan mudah ditadbir. Cadangan jawapan yang dikemukakan akan memudahkan responden menjawab soalan dengan cepat (Mohd Najib, 1999). Maka dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik dimana setiap soal selidik berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan dalam bab satu. Soal selidik ini diberi kepada responden untuk menjawabnya. Kajian terdiri daripada dua bahagian soal selidik, bahagian A adalah tentang latar belakang pelajar dan bahagian B pula berkenaan persoalan kajian iaitu amalan peraturan keselamatan bengkel.

Analisis Keseluruhan

Keputusan keseluruhan bagi setiap aspek persoalan kajian adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Dalam bab ini pengkaji membuat analisis data berdasarkan maklumbalas yang diberikan oleh responden. Maklumat yang diperolehi ini menjawab kesemua persoalan kajian yang dikehendaki. Untuk bab yang seterusnya, pengkaji akan membuat rumusan dan juga mengemukakan cadangan untuk kajian yang selanjutnya.

Jadual 1 : Keputusan Keseluruhan Bagi Setiap Aspek Persoalan Kajian.

No.	Persoalan Kajian	Min	Purata Keseluruhan	Tahap Penilaian
1	Sikap Positif	4.05	4.05	Sangat Positif
2	Peralatan Tangan dan Mesin	4.27	4.28	Sangat Tinggi
3	Berkerja di bengkel	4.21		
4	Persekitaran di bengkel	4.36		

n=50

Rumusan

Kajian deskriptif ini dibuat bertujuan untuk meninjau amalan peraturan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar di IKM Johor. Antara aspek – aspek yang dikaji adalah sikap pelajar, amalan peraturan semasa menggunakan alatan tangan dan mesin, semasa berkerja di bengkel dan di persekitaran bengkel. Kajian ini melibatkan pelajar – pelajar daripada IKM Johor yang dipilih secara rawak daripada dua tahap kursus iaitu diploma dan juga sijil.

Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan set soal selidik berskala likert sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan hasil kajian berdasarkan set soal selidik yang dibuat, data – data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian statistik *Statiscal Package for Science Social (SPSS) versi 12.0*. Bagi menguji kebolehpercayaan set soal selidik yang dibuat, satu kajian rintis telah dilaksanakan dikalangan sepuluh orang mahasiswa tahun empat yang di pilih secara rawak daripada Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Melalui analisis yang dibuat didapati nilai kebolehpercayaan yang diperolehi ialah 0.855.

Hasil daripada analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa bilangan jumlah pelajar lelaki (80.0%) telah melebihi jumlah pelajar perempuan (20.0%). Jumlah keseluruhan mereka adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam memandangkan IKM Johor adalah sebuah institut yang dikhaskan kepada Bumiputera sahaja.

Didapati bahawa 78.0% pelajar adalah dalam ingkungan umur 19 tahun sahaja. Ini adalah kerana, mereka yang dipilih terdiri daripada pelajar – pelajar yang telah mengikuti kursus ini seurus selepas mereka menamatkan pendidikan sekolah menengah. Selain itu, terdapat 18.0% yang berumur 20 tahun dan selebihnya iaitu 4.0% adalah berumur 21 tahun. Mereka ini berkemungkinan terdiri daripada pelajar – pelajar yang telah menyambung pengajian setelah berkerja beberapa tahun.

Jumlah pelajar telah dipilih secara sama rata mengikut tahap kursus iaitu 50.0% masing – masing daripada kursus diploma dan sijil. Selain itu, seramai 46.0% daripada jumlah pelajar mendapat skor atau gred A dalam ujian amali terkini. Ini disusuli pula dengan 48.0% pelajar mendapat gred B dan 6.0% yang selebihnya mendapat gred C.

Hasil kajian mendapati, pelajar – pelajar secara keseluruhannya mempunyai sikap yang positif terhadap pengamalan peraturan keselamatan bengkel semasa berkerja. Walau bagaimanapun, masih terdapat juga pelajar yang mengabaikan perkara – perkara yang memungkinkan mendapat kecederaan atau kemalangan. Kegagalan mereka berbuat demikian boleh menyebabkan berlakunya kemalangan.

Pelajar – pelajar IKM Johor juga mengamalkan peraturan – peraturan keselamatan bengkel semasa menggunakan alatan tangan dan mesin yang telah ditetapkan oleh pihak

pengurusan dengan baik. Namun demikian terdapat juga segelintir yang terus tidak menghiraukan hal ini. Daripada kajian, pelajar – pelajar menunggu arahan daripada penyelia sebelum menggunakan apa – apa peralatan atau mesin. Kesempatan ini, perlu diambil oleh tenaga pengajar untuk memberikan tunjuk ajar dan mengingatkan supaya menjaga keselamatan diri dan orang lain.

Pelajar juga menitikberatkan faktor keselamatan persekitaran bengkel semasa bekerja di bengkel. Mereka lebih prihatin terhadap keselamatan diri dan juga orang lain. Memandangkan kebersihan adalah satu aspek penting dalam keselamatan bengkel, mereka tidak lupa juga untuk mempraktikkannya di bengkel. Namun ada pelajar yang tidak mempedulikan perkara – perkara ini. Maka pihak pengurusan perlu berganding bahu dengan tenaga pengajar bagi mengatasi masalah sebegini.

Secara keseluruhannya, pelajar – pelajar di IKM Johor mengamalkan peraturan – peraturan keselamatan bengkel semasa berkerja di bengkel. Didapati bahawa pelajar mengamalkan peraturan keselamatan bengkel semasa menggunakan peralatan dan juga mesin di bengkel. Disamping itu pelajar juga turut mengamalkan peraturan keselamatan bengkel semasa berkerja di bengkel dan juga di persekitaran bengkel. Disini dapat dibuat kesimpulan, dimana tahap pengamalan peraturan keselamatan bengkel dalam kalangan pelajar IKM berada ditahap yang tinggi.

Rujukan

- Amstrong (1980). *Fundamental of Construction Safety*. London: Hochtinson of London.
- Asnul Minghat dan Anuar Mohamad (2004). *Model Pembelajaran Teknologi Kayu*. Universiti Teknologi Malaysia: JPTK.
- Baharom Nahusin (1999, Ogos 29). Banyak Pelajar Melayu Lupa Tanggungjawab. *Utusan Malaysia*, pg. 7.
- Dilley, H. and Kleiner B.H (1996). Creating A Culture of Safety. *Work Study*. 45(3), pg 5 – 8.
- H. W. Heinrich (1959). *Industrial Accident Prevention, Third Edition*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Habibah Elias dan Rahil Hj. Mahyuddin (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Institut Kemahiran MARA Johor Bahru (2007). Latihan Kemahiran MARA : Program Sepenuh Masa [Brochure]. Unit Media IKMJB: Bahagian Pendidikan dan Latihan (Kemahiran) MARA.
- John Ridley (2002). *Safety At Work 4th Edition*. Jordan Hill, Oxford : Butterworth–Heinemann Ltd.
- Kemalangan Di Tempat Kerja Berkurangan. (2000, Jun 20). *Utusan Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). Rancangan Lima Tahun Bahagian Teknologi Pendidikan KPM, 1989 – 1993.
- Longley (1969). *Safety Education And Training Safety On Construction Site*. London: The Institution of Civil Engineering.
- Mohamad Khan Jamal (2003). Promoting Excellent OSH Culture: A Source of Competitive Advantage. *National Occupational Safety and Health Conference*. 21–22 April. Universiti Utara Malaysia.
- Murugiah Velayutham (1997). *Psikologi Pendidikan 1, Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

- Ng Boon Hue dalam Mohamad Khan Jamal (2003). Promoting Excellent OSH Culture: A Source of Competitive Advantage. *National Occupational Safety and Health Conference*. 21–22 April. Universiti Utara Malaysia.
- Pampasan Kemalangan Pekerja Meningkat. (1998, November 01). *Mingguan Malaysia*.
- Russel De.Reamer (1980). *Modern Safety And Health Technology*. Colombus: Charles E. Merrill Publication. Com.
- Sanusi Mohd Sidin (2001). *Monograf Organisasi dan Pengurusan Bengkel*. Nota tidak diterbitkan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman Masri (2003). Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis). Kuala Lumpur: Utusan Public.
- Yahya Abd. Hamid (1989). *Pengurusan Workshop*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.